



Kumpulan ketiga misi kemanusiaan banjir Unisza ke Kelantan.

Tandas buat mangsa banjir

GONGBADAK - Misi Bantuan Banjir Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) di Kelantan yang memasuki peringkat ketiga ketika ini memberi tumpuan untuk membina tandas dan membersihkan kediaman mangsa yang terjejas banjir.

Kumpulan yang disertai 80 kakitangan daripada pengurusan tertinggi, pegawai, pasukan perubatan, pengawal keselamatan dan sebagainya memilih jajahan Tumpat, Kelantan bagi membantu meringankan beban mangsa.

Pasukan yang diketuai Naib Canselor Unisza, Prof Datuk Dr Yahaya Ibrahim itu memutuskan untuk membina 10 buah tandas kekal serta memperbaiki dan membersihkan rumah penduduk yang rosak teruk.

"Misi bantuan yang memasuki fasa ketiga ini adalah bertujuan untuk meringankan beban yang ditanggung mangsa banjir, di mana kita dapat melihat dengan jelas banyak rumah mengalami kerosakan teruk.

"Malah, selain membina tandas untuk ru-

mah penduduk, kita juga turut membawa bekalan makanan seperti beras, bahan mentah, air minuman dan sebagainya untuk diagihkan kepada mangsa yang terlibat," katanya.

Menurutnya, kejadian banjir yang disifatkan terburuk yang melanda negeri jiran itu sememangnya mengundang kesedihan dan keprihatinan seluruh rakyat di negara ini kerana ia telah melibatkan banyak kemusnahan harta benda yang teruk.

"Kita juga sedia maklum, dalam keadaan terdesak dan hidup serba kekurangan, mangsa juga mudah dijangkiti pelbagai penyakit, justeru kita turut membawa pasukan perubatan untuk memberikan rawatan dan pemeriksaan awal kepada mangsa di kawasan yang kita masuki," katanya.

Jelasnya lagi, kesemua bantuan yang dihulurkan itu adalah hasil kutipan daripada warga Unisza dan sumbangan pihak pengurusan yang berjumlah RM100,000.

SINAR HARIAN
05/01/2015